



31 Januari 2013  
31 January 2013  
P.U. (A) 30

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN  
BAGI KOS PENEMPATAN SEMULA BAGI SYARIKAT  
BERSTATUS *TUN RAZAK EXCHANGE MARQUEE*) 2013

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR RELOCATION COSTS FOR  
TUN RAZAK EXCHANGE MARQUEE STATUS COMPANY)  
RULES 2013*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

## AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

### KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI KOS PENEMPATAN SEMULA BAGI SYARIKAT BERSTATUS *TUN RAZAK EXCHANGE MARQUEE*) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah seperti berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Kos Penempatan Semula Bagi Syarikat Berstatus Tun Razak Exchange Marquee) 2013.**
  
- (2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2014.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

"kos penempatan semula" ertinya kos penempatan semula ditetapkan dalam Jadual bagi Kaedah-Kaedah ini;

"penempatan semula" ertinya memindahkan kesemua atau sebahagian operasi perniagaan syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee* dari luar Malaysia ke *Tun Razak Exchange* atau dari tempat lain di Malaysia ke *Tun Razak Exchange*;

"syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee*" ertinya—

- (a) institusi berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*] yang menjalankan perniagaan bank atau perniagaan bank saudagar atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;

- (b) syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 [*Akta 553*] yang menjalankan perniagaan insurans atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;
- (c) syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*] yang menjalankan perniagaan perbankan Islam atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;
- (d) syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 [*Akta 312*] yang menjalankan perniagaan takaful atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;
- (e) syarikat yang merupakan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*];
- (f) seorang, selain daripada individu, yang merupakan orang berdaftar di bawah seksyen 76 atau 76A Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan

diluluskan oleh Menteri;

***Tun Razak Exchange***

3. *Tun Razak Exchange* ertinya kawasan yang di rujuk dalam pelan pembangunan diluluskan bagi *Tun Razak Exchange* atas sebahagian Lot 1164, Lot 1207, Lot 1209, Lot 1210, Lot 1217, PT 122 Seksyen 62, Lot 205 – lot 208, sebahagian Lot 209, Lot 733, Lot 956, Lot 1309 – Lot 1311, Lot 1313, Lot 1314, Lot 1393, Lot 1364, PT 86, PT 109 – PT 121, PT 123 Seksyen 67 di Jalan Tun Razak/Jalan Davis, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur termasuk mana-mana pertukaran berikutnya sebagaimana diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

## **Potongan**

4. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), dalam menentukan pendapatan larasan syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee* daripada perniagaannya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, maka hendaklah dibenarkan potongan bagi kos penempatan semula yang telah dilakukan oleh syarikat *berstatus Tun Razak Exchange Marquee* untuk menempatkan semula kesemua atau sebahagian perniagaannya ke *Tun Razak Exchange*, dengan syarat penempatan semula itu dilakukan tidak lewat dari 31 Disember 2020.

(2) Kos penempatan semula hendaklah disifatkan telah dilakukan pada tahun taksiran syarikat *Tun Razak Exchange Marquee* mula menjalankan semua atau sebahagian daripada perniagaannya di *Tun Razak Exchange Marquee*.

(3) Potongan di bawah subperenggan (1) hendaklah berkenaan dengan kos yang tidak boleh diberi potongan di bawah subseksyen 33 (1) Akta.

JADUAL  
[Kaedah 3]

1. Yuran yang dilakukan bagi perancangan dan pelaksanaan atau penyeliaan proses penempatan semula
2. Pembungkusan dan pengeluaran (bahan dan caj buruh)
3. Pengangkutan (udara, laut atau darat)
4. Premium insuran (perlindungan bagi kehilangan atau kerosakan barang semasa proses pemindahan)
5. Gudang sementara

Tertakluk kepada kos di atas diperakui oleh juruaudit luar.

Dibuat 30 Januari 2013

[Perb.0.3865/73(SJ.106)JLD.2;LHDN.01/35/(S)/42/51/231-17.13;  
PN(PU2)80/LXVIII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]*

## INCOME TAX ACT 1967

### INCOME TAX (DEDUCTION FOR RELOCATION COSTS FOR TUN RAZAK EXCHANGE MARQUEE STATUS COMPANY) RULES 2013

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

#### **Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for Relocation Costs for Tun Razak Exchange Marquee Status Company) Rules 2013.**

(2) These Rules shall have effect from the year of assessment 2014.

#### **Interpretation**

2. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“relocation costs” means prescribed relocation costs as set out in the Schedule to these Rules;

“relocation” means the moving of all or part of the business operations of a Tun Razak Marquee status company from outside Malaysia to the Tun Razak Exchange or from other parts of Malaysia to the Tun Razak Exchange;

“Tun Razak Exchange Marquee status company” means—

- (a) a licensed institution under the Banking and Financial Institutions Act 1989 [Act 372] carrying on a banking business or a merchant banking business or a related company within the same group;
- (b) a company licensed under the Insurance Act 1996 [Act 553] carrying on insurance business or a related company within the same group;

- (c) a company licensed under the Islamic Banking Act 1983 [Act 276] carrying on an Islamic banking business or a related company within the same group;
- (d) a company registered under the Takaful Act 1984 [Act 312] carrying on takaful business or a related company within the same group;
- (e) a company which is a holder of a Capital Markets Service Licence licensed under the Capital Markets and Services Act 2007 [Act 671];
- (f) a person, other than an individual, who is a registered person under section 76 or 76A of the Capital Markets and Services Act 2007; and

approved by the Minister;

#### **Tun Razak Exchange**

3. Tun Razak Exchange means the area referred to in the approved development plan for the Tun Razak Exchange on part of Lot 1164, Lot 1207, Lot 1209, Lot 1210, Lot 1217, PT 122 Section 62, Lot 205 – lot 208, part of Lot 209, Lot 733, Lot 956, Lot 1309 – Lot 1311, Lot 1313, Lot 1314, Lot 1393, Lot 1364, PT 86, PT 109 – PT 121, PT 123 Section 67 at Jalan Tun Razak/Jalan Davis, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur including any subsequent changes thereto as approved by Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

#### **Deduction**

4. (1) Subject to subparagraph (2), in ascertaining the adjusted income of a Tun Razak Exchange Marquee status company from its business in the basis period for a year of assessment, there shall be allowed a deduction for the relocation costs incurred by the Tun Razak Exchange Marquee status company to relocate the whole or part of its business to the Tun Razak Exchange, provided such relocation takes place not later than 31 December 2020.

(2) Relocation costs will be deemed to be incurred in the year of assessment in which the Tun Razak Exchange Marquee status company commences to undertake the whole or part of its business in the Tun Razak Exchange.

(3) The deduction under subparagraph (1) shall only be in respect of costs which are not deductible under subsection 33(1) of the Act.

SCHEDULE  
[Rule 3]

1. Fees incurred for planning and execution or supervision of the relocation process
2. Packing and unpacking (materials and labour charges)
3. Transportation (air, sea or road)
4. Insurance premium (coverage for lost or damaged items during the moving process)
5. Temporary warehousing

Provided that the above costs are certified by an external auditor.

Made 30 Januari 2013

[Perb.0.3865/73(SJ.106)JLD.2;LHDN.01/35/(S)/42/51/231-17.13;PN(PU2) 80/LXVIII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH  
*Second Minister of Finance*

*[To be laid before Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]*